

'Bayaran tambahan kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia'

Oleh Muhammad Yusri Muzamir, Ahmad Suhael Adnan dan Fahmy A Rosli - Jun 22, 2022 @ 4:56pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan, tambahan bayaran RM50 dan RM100 kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) selepas mengambil kira cabaran kos sara hidup dan kenaikan harga barang makanan ketika ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil keputusan menyalurkan bantuan tunai tambahan itu kepada golongan B40, masing-masing RM100 bagi isi rumah dan RM50 untuk individu bujang.

Beliau berkata, setiap penerima bakal menerima sehingga RM500 mengikut kategori kelayakan BKM masing-masing dengan bantuan tunai tambahan dibayar bersekali dalam bayaran Fasa 2, membabitkan peruntukan tambahan bernilai RM630 juta.

BAYARAN FASA 2 BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) DAN BAYARAN TUNAI TAMBAHAN

Perkara	Isi Rumah Berpendapatan RM5,000 dan ke bawah	Warga Emas Berpendapatan RM5,000 dan ke bawah (Bujang/Tiada Pasangan)	Individu Bujang Berpendapatan RM1,500 dan ke bawah	Jumlah
Data Lulus BKM (8.6 juta penerima)	4.0 juta penerima	1.2 juta penerima	3.4 juta penerima	8.6 juta penerima
Nilai Bayaran Fasa 2 BKM	RM100- RM400	RM150	-	RM1.11 bilion
Bayaran Bantuan Tunai Tambahan	RM100	RM50	RM50	RM0.63 bilion
Jumlah Bayaran Jun 2022	RM200- RM500	RM200	RM50	-
Implikasi Kewangan	RM1.33 bilion	RM0.24 bilion	RM0.17 bilion	RM1.74 bilion

Semakan status pembayaran boleh dibuat mulai 27 Jun 2022 melalui pautan
<https://bkm.hasil.gov.my>

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
PERDANA MENTERI
22 JUN 2022

BAYARAN FASA 2 BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) DAN BAYARAN TUNAI TAMBAHAN

Jenis Penerima	Tarikh Pembayaran Mulai	Cara Pembayaran
Isi Rumah, Warga Emas dan Individu Bujang	27 Jun 2022 hingga 5 Julai 2022	Terus dikreditkan ke dalam akaun bank.
Penerima yang tidak mempunyai akaun bank (terutamanya di Sabah & Sarawak)	27 Jun 2022	Melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN). Pihak BSN akan mengeluarkan panduan SOP dari semasa ke semasa.

Semakan status pembayaran boleh dibuat mulai 27 Jun 2022 melalui pautan
<https://bkm.hasil.gov.my>

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
PERDANA MENTERI
22 JUN 2022

Katanya, ia akan memberi manfaat kepada hampir 8.6 juta penerima, merangkumi 4 juta isi rumah, 1.2 juta warga emas dan 3.4 juta individu bujang.

"Setiap penerima yang layak akan menerima bayaran secara berperingkat mulai 27 Jun ini, membabitkan peruntukan sebanyak RM1.74 bilion.

"Pembayaran ini juga bagi meringankan beban kewangan golongan B40, terutamanya bagi menyambut Aidiladha tidak lama lagi dan akan disalurkan seperti dijadualkan.

"Setakat ini, seramai 8.6 juta penerima BKM sudah diluluskan dengan isi rumah bakal menerima sehingga RM2,500, tahun ini. Bantuan ini adalah tertinggi yang pernah diberikan mana-mana kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas secara maya di Putrajaya, hari ini.

Ismail Sabri berkata, BKM adalah inisiatif bantuan tunai langsung yang diumumkan dalam Belanjawan 2022 bagi memanfaatkan golongan B40 dengan semakan status pembayaran boleh dibuat bermula Isnin ini, melalui pautan <https://bkm.hasil.gov.my>.

"Kerajaan sentiasa cakna dengan keperluan semasa terutamanya melibatkan kenaikan harga barangan keperluan dan akan terus komited dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia terutamanya kumpulan sasar," katanya.

#KELUARGA MALAYSIA

BANTUAN TUNAI TAMBAHAN KEPADA GOLONGAN B40

- **RM100** untuk isi rumah
- **RM50** untuk golongan bujang

Semakan status pembayaran boleh dibuat mulai 27 Jun 2022 melalui pautan

<https://bkm.hasil.gov.my>

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
PERDANA MENTERI

22 JUN 2022

#KELUARGA MALAYSIA

BANTUAN TUNAI TAMBAHAN DIBAYAR BERSEKALI DENGAN BAYARAN FASA 2 BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM)

- Setiap penerima BKM bakal menerima sehingga **RM500** mengikut kategori kelayakan masing-masing
- Melibatkan tambahan peruntukan sebanyak **RM630 juta**

Semakan status pembayaran boleh dibuat mulai 27 Jun 2022 melalui pautan

<https://bkm.hasil.gov.my>

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
PERDANA MENTERI

22 JUN 2022

#KELUARGA MALAYSIA

BAYARAN FASA 2 BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) DAN BAYARAN TUNAI TAMBAHAN

Memanfaatkan hampir **8.6 juta** penerima merangkumi;

- **4.0 juta** isi rumah
- **1.2 juta** warga emas (bujang/tiada pasangan)
- **3.4 juta** individu bujang

Semakan status pembayaran boleh dibuat mulai 27 Jun 2022 melalui pautan

<https://bkm.hasil.gov.my>

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
PERDANA MENTERI

22 JUN 2022



Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan, tambahan bayaran RM50 dan RM100 kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) selepas mengambil kira cabaran kos sara hidup dan kenaikan harga barang makanan ketika ini.